

**SULIT**

1103/2

**1103/ 2 PP**

**Bahasa**

**Melayu**

**Oktober**

**2007**

**2 ½ Jam**

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN TERENGGANU  
*DENGAN KERJASAMA*  
JABATAN PELAJARAN TERENGGANU

---

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN  
TINGKATAN 4**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 12 halaman bercetak

## Kertas 2

Markah penuh Kertas 2 ialah 110 markah

## Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagikan kepada

- (a) Isi - 20 markah  
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [ 20 markah ]

Nota :

(i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke* (contoh: di sekolah, ke pasar)
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
<b>Jumlah Markah</b>											<b>20</b>

(v) Jawapan dalam bentuk poin, beri markah isi. Tolak 50% markah bahasa daripada markah sepatutnya.

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
<b>Baik</b>	18 - 20	9 - 10	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda baca / ejaan betul</li> </ul>
	15 - 17	7 - 9	
<b>Sederhana</b>	12 - 14	6 - 7	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesenambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda baca / ejaan juga memuaskan</li> </ul>
	8 - 11	4 - 5	
<b>Lemah</b>	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan</li> </ul>

Nota :

- (i) Jika bahasa agak baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika disalin bulat-bulat perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang 120 perkataan, markah tidak dipotong.

**Pendahuluan / Pengenalan [2 markah]**

- |   |   |
|---|---|
| 1. Petikan membincangkan tujuan pelaksanaan projek pembangunan hartanah di Malaysia.                        | 2 |
| 2. Petikan membincangkan kebaikan / faedah / kepentingan kerajaan melaksanakan projek pembangunan hartanah. | 2 |
| 3. Petikan membincangkan objektif kerajaan melaksanakan projek pembangunan hartanah.                        | 1 |

**Isi Tersurat [4 – 12 markah]****Markah**

- |  |   |
|--|---|
| 1. Membawa masuk / merangsang aliran masuk pelaburan asing.                                  | 2 |
| 2. Menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini.                          | 2 |
| 3. Menurunkan graf / kadar pengangguran.   | 2 |
| 4. Menghidupkan industri hiliran lain yang berhubung kait dengan pasaran.                    | 2 |
| 5. Menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.   | 2 |
| 6. Memberi kesan berganda kepada ekonomi negara secara umum.                                 | 2 |
| 7. Penduduk tempatan dapat memanfaatkan peluang yang terbit daripada projek-projek hartanah. | 2 |
| 8. Menjana kekayaan dalam kalangan rakyat.   | 2 |
| 9. Membantu meningkatkan taraf hidup rakyat.   | 2 |
| 10. Peluang untuk memperbaiki kedudukan ekonomi rakyat.                                      | 2 |

**Isi Tersirat [4 – 12 markah]**

- |   |   |
|---|---|
| 1. Kadar pengangguran dalam kalangan pekerja tempatan meningkat.                                | 2 |
| 2. Wujud persaingan untuk memenuhi peluang pekerjaan antara pekerja tempatan dan pekerja asing. | 2 |
| 3. Kadar kemasukan pekerja asing akan bertambah.  | 2 |
| 4. Kadar kemasukan pendatang haram akan meningkat.  | 2 |
| 5. Masalah sosial / kejadian jenayah akan bertambah.  | 2 |

**Kesimpulan/Penutup [2 markah]**

- |  |   |
|--|---|
| 1. Kesimpulannya, semua pihak perlu merebut peluang daripada pelaksanaan projek ini, agar wawasan untuk menjadi negara maju menjadi kenyataan. | 2 |
| 2. Oleh itu, sebagai rakyat kita perlu bekerjasama untuk menjayakan objektif kerajaan ini, supaya kita semua mendapat manfaat.                 | 2 |

## Soalan 2

Markah penuh 35 dibahagi kepada:

Soalan 2(a)	-	9 markah
Soalan 2(b)	-	9 markah
Soalan 2(c)	-	8 markah
Soalan 2(d)	-	9 markah

## Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang sempurna/lengkap**
3. Jika **disalin bulat- bulat** daripada teks dan jawapan itu **tepat / betul, berikan separuh (50%)** daripada **markah** yang **diperuntukkan** sahaja.
4. Kesalahan **bahasa** dan **ejaan** hendaklah **ditolak ½ markah** daripada **markah keseluruhan** yang diperolehi daripada setiap ceraihan soalan.
5. Jawapan bagi **soalan 2(b), 2(c) dan 2(d)** mestilah berdasarkan teks **Komponen Kesusasteraan Melayu** yang ditetapkan.
6. Jawapan dalam bentuk **point tolak ½ markah** daripada markah keseluruhan yang diperolehi daripada setiap soalan.

## Soalan 2(a)

(i) Maksud rangkai kata *enggan mengotorkan tangan*

- tidak mahu terlibat / melibatkan diri
- tidak mahu bekerja

[2 markah]

[ Maksimum: 2 markah]

(ii) Sebab:

- untuk memastikan setiap peluang yang terbit daripada projek-projek pembangunan dapat dimanfaatkan oleh penduduk tempatan.
- tidak perlu bergantung kepada kepakaran asing.
- pelaksanaan projek tidak menguntungkan orang luar semata-mata.
- mengelakkan daripada menjadi rakyat yang tidak berdaya saing.

[1 markah]

[1 markah]

[1 markah]

[1 markah]

[ Maksimum: 3 markah]

(iii) Cara mengurangkan;

- wujudkan lebih banyak institusi / pusat latihan untuk melatih tenaga kerja tempatan
- menguatkuasakan undang-undang berkaitan kemasukan pekerja asing terutama pendatang haram
- mengenakan syarat yang ketat untuk bekerja di negara ini
- membuka peluang kerja kepada pekerjaan tertentu / kritikal sahaja kepada pekerja asing
- mewajibkan syarikat-syarikat asing mengambil tenaga kerja tempatan

[1 markah]

[1 markah]

[1 markah]

[1 markah]

[1 markah]

[ Maksimum: 4 markah]

## Soalan 2 (b) : Petikan Prosa Moden

Markah

- (i) Maksud rangkai kata *kita akan dapat membuat semua yang kita mahu*
- Kita akan boleh melakukan segala-gala yang diingini / Kita akan boleh melakukan segala-gala yang dicita-citakan

[ Maksimum: 2 markah ]

- (ii) Kesan-kesan penjajahan :
- ditindas oleh penjajah 1
  - sentiasa diperkotak-katikkan/dipermain-mainkan oleh penjajah 1
  - tidak bebas melakukan segala-gala yang dicita-citakan/diingini 1
  - penjajah tidak suka kepada kesepaduan rakyat/suka rakyat berpecah-belah 1
  - terbelenggu di tanah air sendiri 1

\* Jika pelajar memberikan jawapan yang terdapat dalam cerpen, berikan **0 markah**

[ Maksimum: 3 markah ]

- (iii) **Dua pengajaran (dalam petikan)**
- Kita janganlah terlalu merendah-rendahkan diri sehingga dihina atau terlalu mudah diperbodoh-bodohkan oleh penjajah, contohnya melalui watak orang tua dalam drama tersebut. 1
  - Rakyat sewajarnya sentiasa bekerjasama bagi membangunkan dan memajukan negara, buktinya dalam drama tersebut, orang muda, orang tua, dan watak seorang gadis bersatu menentang dan menangkis setiap tuduhan serta cemuhan terhadap orang Melayu. 1
  - Setiap warganegara, terutamanya golongan muda seharusnya berani menyuarakan pendirian atau perjuangan menuntut hak, misalnya orang muda, orang tua serta gadis dalam drama ini berani bertikam lidah dengan pegawai demi kebenaran. 1

\* **Pilih mana- mana 2 isi = 2 markah**

**Dua pengajaran (dalam drama)**

- Kita hendaklah mempunyai rasa cinta akan tanah air bagi mengekalkan nikmat kemerdekaan, contohnya dalam drama ini orang-orang Melayu bersatu padu untuk menentang penjajah dan mengisi kemerdekaan negara. 1
- Kita mestilah belajar dan menuntut ilmu kerana mereka yang terpelajar akan mendapat kedudukan yang baik dalam masyarakat. Contohnya kerana berilmu, pegawai Melayu diberikan jawatan yang tinggi dalam pentadbiran Inggeris. 1
- Seseorang yang telah melakukan kesilapan mestilah menginsafi kesilapannya itu dan segera membetulkannya, umpamanya pegawai Melayu yang telah menginsafi kesilapannya menyokong penjajah sebelum tanah air mencapai kemerdekaan. 1

\* **Pilih mana- mana 2 isi = 2 markah**

[ Maksimum: 4 markah ]

Setiap pernyataan di atas mesti disertai dengan contoh / bukti dalam petikan untuk mendapatkan markah penuh.

Soalan 2(c) : **Petikan Prosa Klasik**(i) Maksud *Jika tiada engkau mati olehku, aku mati olehmu*

Markah

- sekiranya kamu tidak meninggal dunia aku bunuh, aku pula akan meninggal dunia kamu bunuh/sekiranya kamu tidak meninggal dunia di tangan aku, aku pula akan meninggal dunia di tangan kamu

2

(ii) Sebab-sebab menimbulkan kemarahan Hang Jebat:

- disangkakan Hang Tuah telah dibunuh oleh bendahara tanpa dosa
- Hang Tuah dijatuhkan hukuman bunuh oleh sultan tanpa usul-periksa
- ingin menuntut bela atas kematian sahabatnya, Hang Tuah
- tidak adil-tetap dihukum bunuh oleh raja walaupun Hang Tuah banyak bakti dan jasanya

1  
1  
1  
1[ **Maksimum: 3 markah** ]

(iii) Cara-cara untuk mengelakkan diri daripada berlakunya pergaduhan:

- berbincang terlebih dahulu
- ada orang tengah yang bertindak sebagai penasihat
- berfikir akibat buruk yang akan diterima nanti
- bersemuka dengan pihak yang terlibat dan membetulkan keadaan
- bertindak secara rasional

1  
1  
1  
1  
1

(terima pendapat yang sesuai)

[ **Maksimum: 3 markah** ]

Soalan 2 (d): **Petikan Puisi**(i) Maksud *tika gerimis menabur benih*

Markah

- apabila hujan turun/semasa hujan

2

[ **Maksimum: 2 markah**]

(ii) Mengapa (semakin terhakis nilai-nilai kemanusiaan):

- ketika berlakunya kesesakan di jalan raya 1
- berlakunya banjir kilat – menyukarkan perjalanan 1
- pemandu yang tidak berhemah menyebabkan kebosanan ketika di jalan raya 1
- jalan raya dijadikan gelanggang perlumbaan 1
- keadaan fizikal jalan raya yang tidak sempurna 1

[ **Maksimum: 3 markah**]

(iii) Empat persoalan:

- Persoalan kesesakan jalan raya di sesebuah kota. Kesesakan lalu lintas berlaku kerana sistem jalan raya yang tidak sempurna dan jumlah manusia atau kenderaan di kota terlalu banyak. 1
- Persoalan sikap penghuni kota yang sombong, tiada kesabaran, dan terlalu mengikut perasaan. 1
- Persoalan kemanusiaan masyarakat kota. Sebahagian masyarakat kota tidak mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan yang positif seperti bersopan-santun dan berhemah di jalan raya. 1
- Persoalan tentang sesetengah pengguna jalan raya, terutamanya golongan muda yang menjadikan jalan-jalan raya sebagai gelanggang perlumbaan. 1

[ **Maksimum: 4 markah**]

## Soalan 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a)	:	6 markah
Soalan 3(b)	:	6 markah
Soalan 3(c)	:	6 markah
Soalan 3(d)	:	6 markah
Soalan 3(e)	:	6 markah

## Perhatian bagi Soalan 3(a)

- Beri **1 markah** bagi setiap ayat yang betul. bagi keseluruhan markah jawapan.
- Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan **0 markah**.
- Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan **0 markah**
- Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**
- Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, **tolak ½ markah**
- Jika semua perkataan dipakai dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu
- Tolak **½ markah** bagi kesalahan **ejaan / jalan bahasa / isi** yang tidak begitu jelas ayat.
- Sengaja meninggalkan / menambah imbuhan berikan **0 markah**
- Jika bina 2 ayat dengan 1 perkataan, **tolak ½ markah**
- Jika ayat tidak jelas, **tolak ½ markah**

- 3(a) (i) tinggi - besar jaraknya di bahagian bawah,  
 - hampir sampai ke tempat yang di atas sekali,  
 - sangat baik, sudah maju, angkuh/besar diri/sombong
- (ii) meninggi - menjadi tinggi / naik tinggi ke atas  
 - menjadi kuat dan nyaring  
 - hampir berada pada waktu tengah hari
- (iii) setinggi - sama tinggi / mencapai tinggi  
 - seberapa tinggi
- (iv) setinggi-tinggi - seberapa banyak yang mungkin/tidak terhingga  
 banyak/sebanyak-banyaknya  
 - seberapa tinggi yang mungkin/paling tinggi
- (v) meninggikan - menjadikan tinggi/ menambahkan buah fikiran,  
 - mengangkat/mengeraskan/menguatkan (suara)
- (vi) ketinggian - perihal tinggi / taraf.  
 - terlalu tinggi

[6 markah]

- 3(b) i. Hadiah itu saya beli untuk Cigku Mazlina sempena sambutan Hari Guru.  
 ii. Hujan lebat akan melanda sebahagian besar kawasan pantai timur pada minggu depan.  
 iii. Da tidak pernah berasa penat mengunyah makanan ketika menonton televiyen.

[6 markah]

- 3(c) (i) terguris - tergores  
 berlalu - lalu / melalui
- (ii) pohon - memohon  
 diampuninya - diampuni-Nya
- (iii) kolestrol - kolesterol  
 pesakit - penyakit

[6 markah]

- 3(d) (i) saling bantu-membantu - saling membantu / bantu-membantu  
 melupakan - menghapuskan
- (ii) membiarkan - melupakan  
 demi untuk - demi
- (iii) dinaiki oleh kami - kami naiki  
 terhuyung-hayang - teroleng-oleng

[6 markah]

Soalan 3(e)

**Maksud cogan kata atau peribahasa dan contoh ayat:**

- i. *Tercengang-cengang kehairanan*: **Contoh ayat**- Pemuda kampung yang baru tiba di Kuala Lumpur itu seperti *rusa masuk kampung* apabila melihat Menara Berkembar Petronas
- ii. *Seseorang yang pendiam tetapi berfikir dan banyak pengetahuan*: **Contoh ayat**- Semua orang tidak menyangka bahawa Ahmad mampu membeli sebidang tanah sedangkan dia hanya bekerja sebagai jurutaip dan boleh diibaratkan *diam-diam ubi berisi, diam besi berkarat*.
- iii. *Bersungut tentang sesuatu yang sudah siap dikerjakan*. **Contoh ayat**- Sudah lama Mohamad dilantik sebagai ketua kelas, tetapi baru sekarang timbul perasaan tidak puas hati dalam kalangan pelajar lain yang boleh dikatakan *rumah siap, pahat berbunyi*.

[6 markah]

## Soalan 4

Markah penuh 15 markah

## Perhatian bagi Soalan 4

1. Jawapan berdasarkan **satu** daripada novel yang dipelajari
2. Jawapan bagi **(a)** mestilah berdasarkan **dua** buah novel
3. Jawapan bagi bahagian **(a)** jika menjawab satu novel sahaja tiada pertimbangan markah
4. Jawapan bagi **(b)** mestilah berdasarkan **satu** novel sahaja.
5. Jawapan hendaklah dalam ayat yang sempurna / lengkap.
6. Pemberian markah bahasa berdasarkan *impression*.

## Perhatian bagi soalan (a)

- (i) Jawapan tepat berdasarkan teks yang dipelajari
- (ii) Berikan markah mengikut *impression* untuk sinopsis novel yang betul.
- (iii) Markah maksimum adalah 4 markah dan markah maksimum untuk bahasa 3 markah.

Bahasa : *Baik* - 3 markah  
*Sederhana* - 2 markah  
*Lemah* - 1 markah

- (i) Be
- (ii) Be
- (iii) Ma

*Ba*

Contoh Ja

Terminal

- Tanggun menziara memeluk
- Sikap pri kejayaan untuk me
- Ketaatan sangat ta semakin t
- Rajin. R

*(terima m*

Seteguh K

- Kasih sa hanya adik
- Kasih say dalam kelu
- Sikap pri Awanis sa
- Bertangg saudarany
- Berani m berani mer Encik Joha

*(terima m*

**Perhatian bagi soalan (b)**

- (i) Berikan **1 markah** bagi setiap pernyataan.
- (ii) Berikan **1 markah** bagi huraian atau contoh.
- (iii) Markah maksimum untuk isi **6 markah** dan markah maksimum untuk bahasa **2 markah**

*Bahasa : Baik - 2 markah*

*Lemah - 1 markah*

**Contoh Jawapan:****Terminal Tiga :**

- **Tanggungjawab anak terhadap keluarga walaupun berlainan agama.** Rimpa tetap menziarahi ibunya dan berusaha mencari ayahnya yang hilang walaupun dia telah memeluk agama Islam.
- **Sikap prihatin dan suka memberikan pertolongan kepada orang lain untuk mencapai kejayaan.** Bang Maily bersusah payah membantu Rimpa supaya mendapat pinjaman untuk membiayai pengajiannya.
- **Ketaatan kepada agama menjadikan seseorang itu tenang menjalani hidupnya.** Rimpa sangat taat kepada ajaran agama setelah beliau memeluk Islam dan kehidupannya menjadi semakin tenang.
- **Rajin.** Rimpa rajin berusaha untuk menamatkan pengajiannya di Akademi Seni Kebangsaan.

*(terima mana-mana jawapan yang sesuai/berkaitan)*

**Seteguh Karang :**

- **Kasih sayang antara keluarga angkat.** Awanis sangat menyayangi Anita walaupun Anita hanya adik angkatnya.
- **Kasih sayang dalam keluarga.** Kasih sayang antara suami isteri dan anak-anak digambarkan dalam keluarga Kak Nor.
- **Sikap prihatin dan suka memberikan pertolongan kepada orang lain.** Awanis sanggup menguruskan penghantaran jenazah Budi ke Indonesia
- **Bertanggungjawab terhadap keluarga.** Pak Oni begitu mengambil berat terhadap anak-anak saudaranya selepas kematian kedua-dua ibu bapaya.
- **Berani menegakkan kebenaran.** Awanis ditonjolkan sebagai seorang remaja yang berani menempuh pelbagai dugaan hidup antaranya berani menghadapi penyeliannya Encik Johari apabila didapati bertentangan dengan prinsip hidupnya.

*(terima mana-mana jawapan yang sesuai/berkaitan)*

**SKEMA PEMARKAHAN TAMAT**